

PENYERAPAN DAN PENGUBAHSUAIAN KONSONAN ARAB DALAM BAHASA MELAYU

Zaharani Ahmad

zaharaniahmad@gmail.com

Jabatan Melayu-Indonesia

Hankuk University of Foreign Studies

Maizura Osman

maizuraosman@yahoo.com

Nor Hashimah Jalaluddin

nhj7892d@gmail.com

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Makalah ini menganalisis dan menjelaskan perilaku fonologi kata pinjaman Arab yang diserap masuk ke dalam bahasa Melayu, khususnya yang melibatkan bunyi konsonan. Konsonan Arab yang realisasinya sejajar dengan konsonan bahasa Melayu tidak menimbulkan masalah kerana konsonan tersebut boleh diterima oleh sistem nahu bahasa natif. Namun, bagi konsonan Arab yang tidak ada kesejajarannya dalam bahasa Melayu, dua perilaku fonologi didapati berlaku, iaitu (i) konsonan asing itu diserap sebagaimana bentuk asalnya dan menjadi sebahagian daripada inventori fonem bahasa Melayu, dan (ii) konsonan asing itu diubah suai dan digantikan dengan konsonan asli bahasa Melayu. Sama ada sesuatu konsonan itu mengalami proses penyerapan atau pengubahsuaian ditentukan oleh faktor cara dan daerah artikulasi. Sekiranya cara dan daerah artikulasi yang menghasilkan konsonan

Arab itu serasi dengan bahasa Melayu, maka konsonan tersebut diserap sepenuhnya. Sebaliknya, jika cara dan daerah artikulasi konsonan itu sangat asing bagi bahasa Melayu, maka pengubahsuaian harus dilakukan. Proses fonologi yang melibatkan pengubahsuaian konsonan dianalisis dengan menggunakan teori fonologi autosegmental geometri fitur. Tiga rumus fonologi yang beroperasi di sini ialah rumus nyahbukalisasi, rumus nyahfaringealisasi dan rumus pembelakangan. Ketiga-tiga rumus ini dianalisis sebagai proses penyahhubungan autosegmen tertentu daripada representasi geometri fitur konsonan berkenaan.

Kata kunci: artikulasi, autosegmental, fitur distingtif, geometri fitur, penyahhubungan

Abstract

This article examines and explains the phonological behaviour of Arabic loanwords in Malay, particularly those that contain consonantal phonemes. Arabic consonants that are identical to their Malay counterparts are not an issue because they can be accepted by the native grammatical system. However, in cases where there is no segmental correspondence between the two languages, two types of phonological behaviour can be observed, namely (i) foreign consonants are imported and become part of Malay phonemic inventory, and (ii) foreign consonants are modified and substituted by the native consonants. The factors that determine whether a consonant undergoes importation or substitution are the manner of articulation and the place of articulation. If the manner and place of articulation involved in the production of the Arabic consonants are familiar to the Malay phonological system, then the consonant will be absorbed from the loan source. However, if the manner and place of articulations are alien to the Malay language, modifications need to take place. The processes of consonantal modification in the study are analysed by employing the theory of the autosegmental phonology of feature geometry. Three important rules that operate here are debuccalisation, depalatalisation and the backing rule. These rules are formalised as a delinking of an autosegment from the feature representation of the consonantal phoneme.

Keywords: articulation, autosegmental, distinctive features, feature geometry, delinking

PENDAHULUAN

Bahasa Arab mula mencorakkan bahasa Melayu selepas kelunturan pengaruh bahasa Sanskrit, iaitu sekitar akhir abad ke-10. Kemasukan pengaruh bahasa Arab ini datang bersama-sama dengan pengaruh agama Islam yang dibawa masuk oleh para pedagang dan mubaligh Arab. Misalnya, pengembara Arab Abu Dulaf Misa (940 M) dalam perjalanannya ke negeri China singgah di Kedah dan sekali lagi singgah di tempat itu pada waktu hendak pulang dari negeri China ke negeri asalnya (Slametmuljana, 1922 dalam Asmah, 1993). Seterusnya ramai lagi pedagang dan pengembara Arab yang singgah dengan tujuan menyebarkan agama Islam ke seluruh pelosok dunia.

Walaupun pengaruh bahasa Arab ini dikatakan telah masuk ke Tanah Melayu pada akhir abad ke-10, namun kekuatan pengaruhnya hanya terserlah beberapa abad kemudian. Penemuan Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 22 Februari 1303 yang ditulis dengan huruf Jawi merupakan bukti kukuh yang menunjukkan pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu (Mohd. Isa, 2009). Kebangkitan Kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15 yang menegakkan agama Islam dalam sistem pentadbiran dan pemerintahannya menjadikan pengaruh bahasa Arab semakin kuat terhadap perkembangan bahasa Melayu. Za'ba (1965) menyatakan kedatangan Islam secara langsung membawa masuk banyak sekali kata Arab dalam bahasa Melayu yang meliputi pelbagai bidang kehidupan seperti keagamaan, pembelajaran, pemikiran, perundangan, adat dan kemasyarakatan, dan perubahan.

Dari sudut linguistik, kemasukan kata Arab ke dalam bahasa Melayu bukan sekadar membawa butiran leksikal semata-mata, tetapi turut disertai dengan sistem fonologi bahasa sumber (Zaharani, 2009). Hal ini menyebabkan berlakunya pertembungan antara sistem fonologi bahasa Melayu dengan bahasa Arab. Kesannya menimbulkan dua fenomena kebahasaan, iaitu (i) bunyi asing itu mengalami perubahan dan penyesuaian kerana keperluan untuk mematuhi sistem fonologi bahasa Melayu, dan (ii) bunyi asing itu mengekalkan bentuk asalnya lalu membawa masuk unsur baharu dalam sistem fonologi bahasa Melayu.

Kajian tentang kata pinjaman Arab dan huraian mengenai kemasukan dan perubahan yang berlaku pada konsonan asing ini telah pun dilakukan dalam beberapa kajian sebelum ini (Beg, 1977, Amran, 1987, Awang, 1993). Kajian-kajian tersebut menyebut dan menyenaraikan konsonan yang diserap masuk dan yang mengalami perubahan serta disokong dengan contoh-contoh yang sesuai. Persoalannya, mengapa ada konsonan yang boleh diserap dan ada pula yang diubah suai tidak dibahaskan. Sehubungan itu, makalah ini

akan menghuraikan dan menjelaskan mengapa dan bagaimana kedua-dua fenomena ini berlaku. Kerangka teori yang digunakan dalam analisis kajian ini ialah teori autosegmental, khususnya model geometri fitur.

DATA KAJIAN: PAPARAN DAN RUMUSAN

Data kata pinjaman Arab (seterusnya KPA) bagi kajian ini ialah data sekunder yang dipetik daripada data korpus berkomputer DBP-UKM yang berjumlah lima juta patah perkataan. Data dijana dalam bentuk senarai kata (*word list*) dengan menggunakan perisian Wordsmith Tools. Data yang tergolong sebagai KPA dikenal pasti dan dipilih secara manual dan diberi transkripsi fonetiknya berdasarkan sebutan bahasa sumber. Transkripsi bagi bahasa Melayu pula disesuaikan berdasarkan bentuk ejaannya kerana sistem ejaan rumi itu bersifat fonemik. Jadual 1 menyenaraikan sebahagian daripada KPA yang meresap masuk ke dalam bahasa Melayu. Setiap kata disejajarkan bentuk bahasa sumbernya, bentuk bahasa penerimanya, dan bentuk ejaannya agar persamaan atau perbezaan yang wujud antara dua bahasa itu mudah dilihat dan dirumuskan. Kajian ini hanya meneliti aspek fonologi segmental sahaja, khususnya bunyi konsonan. Perubahan yang melibatkan bunyi vokal dan ciri prosodi seperti panjang pendek segmen tidak akan dibincangkan.

Jadual 1 Penyerapan fonem Arab /χ, ʁ, ʃ, z, f/ dalam bahasa Melayu.

Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Bentuk Ejaan
χ	χ	
ta:ri:χ	tariχ	tarikh
baχi:l	baχil	bakhil
χami:s	χamis	khamis
ʁ	ʁ	
ba:liy	baliʁ	baligh
mayrib	mayrib	maghrib
ya:ʔib	yaib	ghaib
ʃ	ʃ	
ʃirik	ʃirik	syirik
muʃkil	muʃkil	musykil
χuʃu:ʔ	khufuʔ	khusyuk

PENYERAPAN DAN PENGUBAHSUAIAN KONSONAN ARAB DALAM BAHASA MELAYU

sambungan Jadual 1

Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Bentuk Ejaan
z	z	
zama:n	zaman	zaman
bazzar	bazar	bazar
za:t	zat	zat
f	f	
χila:f	χilaf	khilaf
falsafah	falsafah	falsafah
kifa:jah	kifajah	kifayah

Jadual 2 Pengubahsuaian fonem Arab /ʕ, ħ, t^ʕ, d^ʕ, q, s^ʕ, z^ʕ, θ, ð/.

Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Bentuk Ejaan
ʕ	ʔ	
ʕa:lim	ʔalim	alim
d ^ʕ aʕi:f	daʔif	daif
qa:ʕidah	kaʔedah	kaedah
daʕwah	daʔwah	dakwah
maʕna	maʔna	makna
ħ	h	
s ^ʕ ħ	sah	sah
s ^ʕ ħih	sahih	sahih
ħara:m	haram	haram
t^ʕ	t	
χot ^ʕ	χat	khat
bat ^ʕ al	batal	batal
ba:t ^ʕ in	batin	batin
d^ʕ	d	
hajd ^ʕ	haid	haid
d ^ʕ aru:rah	darurat	darurat
ħa:d ^ʕ ir	hadir	hadir

sambungan Jadual 2

Bahasa Arab	Bahasa Melayu	Bentuk Ejaan
q	k	
warɔqɔh	warkah	warkah
waqf	wakaf	wakaf
qɔ:mus	kamus	kamus
s^ʿ	s	
χas ^ʿ	khas	khas
s ^ʿ abr	sabar	sabar
s ^ʿ aha:bah	sahabat	sahabat
z^ʿ	z	
lafz ^ʿ	lafaz	lafaz
z ^ʿ ahir	zahir	zahir
taʿz ^ʿ i:m	takzim	takzim
θ	s	
hadaθ	hadas	hadas
miθa:l	misal	misal
θa:bit	sabit	sabit
ð	z	
ʔustað	ʔustaz	izin
taðkirɔh	tazkirah	tazkirah
ðarrah	zarah	zarah

Seperti yang telah dinyatakan, apabila kata asing diserap ke dalam bahasa peminjam, bukan sahaja membawa masuk bersama butiran leksikal, tetapi turut membawa sistem fonologi bahasa asal. Dalam konteks ini berlakulah pertembungan antara sistem fonologi bahasa peminjam dengan sistem fonologi bahasa sumber. Secara umumnya, dua fenomena akan berlaku, iaitu (i) penyerapan fonem asing, dan (ii) pengubahsuaian fonem asing. Fenomena pertama bermaksud bahasa peminjam menerima fonem asing seadanya sebagaimana yang dizahirkan dalam bahasa sumber. Dalam kes ini, bahasa peminjam bukan sahaja memperkaya kosa katanya, tetapi turut menambah bilangan fonem dalam sistem fonologinya. Dalam

konteks peminjaman kata, Repetti (1993) melabelkannya fenomena pertama sebagai Kata Pinjaman Penyerapan Penuh (*Well-Integrated Loan Words*) yang bermaksud kosa kata yang dipinjam itu masuk dengan semua ciri linguistik bahasa sumber tanpa sebarang perubahan.

Fenomena kedua pula bermaksud bahasa peminjam melakukan modifikasi fonologi terhadap fonem asing dan menggantikannya dengan fonem natif yang paling hampir. Dalam kes ini bahasa peminjam memperkaya kosa katanya tanpa mengorbankan sistem fonologinya. Repetti (1993) menamakan fenomena yang kedua ini sebagai Kata Pinjaman Penyerapan Separa (*Partially-Integrated Loan-Words*) yang bermaksud sebahagian ciri linguistik bahasa sumber diterima dan sebahagian lagi dimodifikasikan mengikut sistem nahu bahasa penerima.

Berdasarkan data yang dipaparkan, didapati KPA yang meresap masuk ke dalam bahasa Melayu memperlihatkan kedua-dua gejala yang diuraikan di atas. Misalnya, ada fonem bahasa Arab yang diserap penuh sebagaimana bunyi asal, dan ada fonem yang diubah suai dan digantikan dengan fonem asli bahasa Melayu. Fonem asing yang diserap penuh terdiri daripada /χ, ʁ, ʃ, z, f/, manakala fonem yang diubah suai terdiri daripada /ʕ, ħ, tˤ, dˤ, q, sˤ, zˤ, θ, ð/. Perbincangan seterusnya menjelaskan perilaku fonologi yang berlaku pada fonem asing berkenaan.

INVENTORI KONSONAN BAHASA ARAB DAN BAHASA MELAYU

Sebelum dijelaskan perilaku fonologi KPA yang diserap masuk ke dalam bahasa Melayu, ada baiknya difahami dahulu sistem fonologi, khususnya yang berkaitan dengan inventori fonem konsonan kedua-dua bahasa tersebut. Gadoua (2000) dan Frisch *et al.* (2004) menyatakan bahawa inventori konsonan bahasa Arab terdiri daripada 28 fonem. Kedua-duanya bersependapat bahawa dari segi cara artikulasi, fonem-fonem tersebut terdiri daripada lapan konsonan plosif, 13 frikatif, satu afrikat, satu getaran, satu lateral, dua nasal dan dua separuh vokal. Namun, huraian dari segi daerah artikulasi, terdapat sedikit perbezaan antara kedua-duanya. Perbezaan ini, walau bagaimana pun bersifat fonetik dan tidak begitu signifikan dari sudut fonologi. Jadual 3 menyenaraikan inventori konsonan bahasa Arab yang disesuaikan daripada kedua-dua pengkaji tersebut.

Jadual 3 Inventori konsonan bahasa Arab.

	Labial	Dental	Alveolar	Alveolar Faringealisasi	Palatal	Velar	Uvular	Faringeal	Glotal
Plosif	b ب		t ت d د	tʰ ط dʰ ض		k ك	q ق		ʔ ء
Frikatif	f ف	θ ث ð ذ	s س z ز	sʰ ص zʰ ظ	ʃ ش	χ خ ʁ غ		ʕ ع ħ ح	h هـ
Afrikat					dʒ ج				
Getaran			r ر						
Lateral			l ل						
Nasal	m م		n ن						
Separuh vokal	w و				j ي				

Bagi bahasa Melayu pula, kebanyakan ahli bahasa bersetuju inventori konsonannya terdiri daripada 19 fonem (Yunus, 1980; Abdullah, 1980; Teoh, 1994; Asmah, 1993). Konsonan-konsonan ini terdiri daripada tujuh bunyi plosif, dua frikatif, dua afrikat, satu getaran, satu lateral, empat nasal dan dua separuh vokal, seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4 Inventori konsonan bahasa Melayu.

	Labial	Alveolar	Palatal	Velar	Glotal
Plosif	p b	t d		k g	ʔ
Frikatif		s			h
Afrikat			tʃ dʒ		
Getaran		r			
Lateral		l			
Nasal	m	n	ɲ	ŋ	
Separuh vokal	w		j		

Berdasarkan jadual inventori konsonan (3) dan (4) di atas, selain daripada jumlah bilangan fonem yang tidak sama, beberapa ciri fonologi yang membezakan kedua-dua bahasa dapat dirumuskan, seperti yang berikut: (i) bahasa Arab menggunakan daerah artikulasi yang lebih luas daripada bahasa Melayu, (ii) bahasa Arab mempunyai artikulasi sekunder, iaitu faringealisasi yang tidak dimiliki oleh bahasa Melayu, (iii) kelompangan fonologi dalam bahasa Melayu berlaku pada penghasilan bunyi frikatif, (iv) kelompangan fonologi dalam bahasa Arab berlaku pada penghasilan bunyi nasal, dan penghasilan pasangan obstruen bersuara-tak bersuara.

Ciri-ciri persamaan fonologi antara kedua-dua bahasa pula ialah (i) bahasa Arab dan bahasa Melayu mempunyai tujuh cara artikulasi primer yang sama, iaitu plosif, frikatif, afrikat, getaran, lateral, nasal dan separuh vokal, (ii) bahasa Arab dan bahasa Melayu mempunyai lima daerah artikulasi yang sama, iaitu labial, alveolar, palatal, velar dan glotal. Persamaan dan perbezaan ciri-ciri fonologi ini merupakan faktor penting yang menentukan sama ada sesuatu fonem Arab itu diserap sepenuhnya sebagaimana bunyi bahasa sumber, ataupun diubah suai dan digantikan dengan fonem asli bahasa Melayu.


TEORI AUTOSEGMENTAL GEOMETRI FITUR

Apabila segmen mengalami perubahan atau pengubahsuaian, hal ini secara langsung melibatkan fitur distingtif yang mendirikan segmen tersebut. Fitur distingtif berasal daripada penemuan Trubetzkoy dan Jakobson yang berpangkalan di Prague yang kemudiannya diperkembang dan dipermantap oleh Chomsky dan Halle (1968) dalam buku mereka *The Sound Pattern of English* (SPE). Teori fonologi generatif pasca-SPE mengandaikan bahawa fitur distingtif itu bersifat universal dan mempunyai mekanisme artikulasi, auditori dan juga persepsi bagi semua bahasa. Pada peringkat awal, setiap segmen mempunyai representasi fiturnya dalam satu matriks yang berasaskan oposisi binari yang ditandakan dengan nilai positif (+) atau negatif (-) (Zaharani dan Teoh, 2006).

Dalam perkembangan selanjutnya, fitur-fitur distingtif ini direpresentasikan dalam bentuk rajah pohon atau nodus konfigurasi berhierarki yang dikenali sebagai geometri fitur (Sagey, 1986). Halle (1992) telah memperkenalkan model geometri fitur secara autosegmental yang dikenali sebagai model artikulasi Halle-Sagey. Model ini merupakan model yang telah diubah suai daripada model Sagey (1986). Kebaikan representasi fonologi autosegmental menurut Sagey (1986) adalah kerana ia menggambarkan satu hipotesis tentang struktur pengetahuan linguistik


yang terpendam dalam otak manusia. Justeru itu, representasi sebegini mampu memberikan penghuraian yang berpada tentang proses-proses fonologi yang berlaku dalam bahasa manusia.

Halle (1992) bersetuju dengan usul McCarthy (1988) yang mendakwa bahawa fitur $[\pm \text{konsonantal}]$ dan $[\pm \text{sonoran}]$ merupakan akar kepada representasi sesuatu fonem. Fitur-fitur lain yang berada di bawah fitur akar itu dapat dibahagikan kepada dua kumpulan. Pertama, fitur yang dihubungkan terus dengan akar dan dianggap sebagai kelas artikulator bebas (*free articulator*), iaitu fitur $[\pm \text{kontinuan}]$, $[\pm \text{striden}]$ dan $[\pm \text{lateral}]$ yang tergolong dalam kelas fitur sekatan (*stricture*). Kedua, fitur-fitur yang dikelaskan berdasarkan enam artikulator utama, iaitu glotal, akar lidah, lengit lembut, labial, koronal, dan dorsal. Semua artikulator ini bersifat unari yang didominasi oleh laringeal dan supralaringeal, dan pada masa yang sama mendominasi beberapa fitur terminal yang bersifat binari, seperti $[\pm \text{belakang}]$, $[\pm \text{rendah}]$, $[\pm \text{tinggi}]$, $[\pm \text{tersebar}]$, $[\pm \text{anterior}]$, $[\pm \text{bundar}]$, $[\pm \text{nasal}]$, dan lain-lain lagi. Fitur-fitur distingtif ini berada di tingkat yang berbeza dan dihubungkan secara autosegmental antara satu sama lain dengan garis penghubung, seperti yang direpresentasikan di bawah.




Rajah 1 Model geometri fitur Halle-Sagey (Halle, 1992).

Dalam model artikulasi Halle-Sagey (1992), nodus daerah itu terdiri daripada satu autosegmen sahaja, iaitu daerah oral. Menurut McCarthy (1991) representasi sebegini sukar untuk menjelaskan perilaku fonologi yang berlaku dalam bahasa Arab, justeru beliau menyarankan nodus daerah itu terbahagi kepada dua, iaitu nodus oral dan nodus faringeal (dalam Kenstowicz, 1994), seperti Rajah 2 di bawah.



Rajah 2 McCarthy (1991) dalam (Kenstowicz,1994).

McCarthy (1991) menggunakan representasi yang bercabang ini untuk membezakan dua kumpulan bunyi, iaitu (i) antara bunyi glotal /ʔ, h/ dengan bunyi faringeal /ħ, ʕ/, dan (ii) antara bunyi obstruen dental /t, d, s, z/ dengan bunyi obstruen dental yang faringealisasikan /t^ħ, d^ħ, s^ħ, z^ħ/. Konsonan yang difaringealisasikan dikenali juga sebagai konsonan emfatik yang sering dilambangkan dengan huruf besar (cth. /T, D, S, Z/) atau kadang-kadang dengan huruf kecil yang dibubuh titik di bawahnya (cth. /ṭ, ḍ, ṣ, ẓ/). Fitur [faringeal] penting bagi mencirikan bunyi faringeal /ħ, ʕ/ dan bunyi yang difaringealisasikan /t^ħ, d^ħ, s^ħ, z^ħ/. Oleh sebab perilaku fonologi yang diteliti dalam kajian ini melibatkan fonem Arab, khususnya bunyi faringeal dan bunyi yang difaringealisasikan, maka representasi geometri fitur McCarthy (1991) lebih sesuai digunakan berbanding dengan Halle (1992). Representasi penuh geometri fitur McCarthy (1991) dapat diwakili seperti Rajah 3.



Rajah 3 Model geometri fitur McCarthy (1991).

Dalam analisis fonologi autosegmental, khususnya analisis geometri fitur, rumus fonologi lazimnya terbahagi kepada dua, iaitu (i) rumus penyebaran fitur, dan (ii) rumus penyahhubungan fitur. Kedua-dua rumus ini melibatkan satu operasi sahaja yang ditunjukkan dengan garis penghubung (*association line*). Penyebaran fitur ditunjukkan dengan pemetaan garis penghubung yang putus-putus, manakala penyahhubungan fitur ditunjukkan dengan pemutusan garis penghubung. Formalisasi rumus seperti ini lebih berpada kerana dapat meramalkan dan menjelaskan bagaimana perubahan itu berlaku.

ANALISIS FONOLOGI KPA

Seperti yang telah ditegaskan, kemasukan KPA dalam bahasa Melayu telah menimbulkan dua gejala fonologi, iaitu (i) penyerapan fonem Arab, dan (ii) pengubahsuaian fonem Arab. Bagi kes pertama, lima fonem bahasa

Arab telah diserap sepenuhnya, iaitu / χ , φ , \int , z, f/, manakala bagi kes kedua, sebanyak sembilan fonem bahasa Arab, iaitu / Ω , \hbar , t^s , d^s , q, s^s , z^s , θ , δ / telah diubah suai dan diganti dengan enam fonem natif, yakni / Ω , h, t, d, k, s, z/. Dua persoalan yang perlu dijawab berhubung dengan dua gejala di atas ialah (i) mengapa lima fonem asing itu boleh diserap masuk, sedangkan sembilan yang lain itu diubah suai mengikut fonem natif, dan (ii) bagaimana proses perubahan yang melibatkan sembilan fonem itu menjadi enam dapat dijelaskan secara berpada melalui rumus fonologi. Perbincangan seterusnya akan menjawab dan menjelaskan perilaku fonologi yang berlaku dari sudut artikulasi dan juga teori autosegmental geometri fitur.

PENYERAPAN PENUH FONEM ARAB

Seperti yang dinyatakan di atas, lima fonem Arab yang diserap penuh dalam bahasa Melayu ialah konsonan /f, z, \int , φ , χ /. Dari segi cara artikulasinya, kesemua fonem ini tergolong dalam kumpulan bunyi frikatif. Inventori fonem sebelum ini menunjukkan bahasa Melayu hanya mempunyai dua konsonan frikatif, iaitu /s/ dan /h/, manakala dalam bahasa Arab terdapat 13 konsonan, iaitu /f, θ , δ , s, z, s^s , z^s , \int , φ , χ , Ω , \hbar , h/.

Dari segi daerah artikulasi pula, bahasa Arab didapati memanfaatkan lapan daerah yang berbeza untuk menghasilkan konsonan frikatifnya, iaitu labial, dental, alveolar, palatal, velar, uvular, faringeal, dan glotal. Bahasa Melayu sebaliknya, hanya menggunakan dua daerah sahaja, yakni alveolar dan glotal. Bagi konsonan frikatif alveolar /s/ dan glotal /h/, isu fonem asing tidak timbul kerana kedua-dua bahasa memilikinya, justeru kedua-dua konsonan tersebut dengan sendirinya mudah diterima. Dengan kata lain, oleh sebab konsonan /s/ dan /h/ wujud dalam bahasa Melayu maka semua KPA yang mengandungi konsonan berkenaan akan diserap sepenuhnya tanpa sebarang perubahan.

Penyerapan konsonan /s/ dan /h/ memang munasabah dan dapat dijangkakan, tetapi tidak bagi konsonan /f, z, \int , φ , χ /. Fonem-fonem ini tidak wujud dalam bahasa Melayu, tetapi kesemuanya boleh diterima dan diserap tanpa perubahan. Konsonan-konsonan asing ini boleh diterima kerana daerah artikulasi yang terlibat dalam penghasilan konsonan-konsonan tersebut ialah daerah utama yang berfungsi secara distingtif dalam sistem fonologi bahasa Melayu, iaitu labial, alveolar, palatal dan velar. Daerah labial digunakan untuk menghasilkan bunyi plosif /p, b/ dan nasal /m/, di daerah alveolar terhasilnya bunyi frikatif /s/, plosif /t, d/, nasal

/n/, dan likuida /l, r/, di daerah palatal terhasilnya bunyi afrikat /tʃ, dʒ/ dan nasal /ɲ/, dan di daerah velar terhasilnya bunyi plosif /k, g/ dan nasal /ŋ/.

Sehubungan dengan ini, dalam kes fonem asing di atas, konsonan /f/ dihasilkan di daerah labial, /z/ dihasilkan di daerah alveolar, /ʃ/ dihasilkan di daerah palatal dan konsonan /χ/ dan /ʁ/ dihasilkan di daerah velar. Walaupun daerah-daerah ini tidak digunakan dalam bahasa Melayu untuk menghasilkan bunyi frikatif, tetapi daerah tersebut digunakan untuk menghasilkan fonem-fonem natif yang lain. Dengan kata lain, daerah-daerah tersebut bukan sesuatu yang asing bagi bahasa Melayu. Kesimpulannya, konsonan Arab /f, z, ʃ, ʁ, χ/ mudah diserap masuk kerana daerah artikulasi yang terlibat dalam penghasilan konsonan tersebut bersifat tempatan dan natif. Justeru, dari segi artikulasinya, bunyi tersebut mudah dihasilkan kerana bersesuaian dengan lidah Melayu.


PENGUBAHSUAIAN FONEM ARAB

Konsonan Arab yang mengalami pengubahsuaian terdiri daripada enam bunyi frikatif, iaitu /θ, ð, s^ʕ, z^ʕ, ʕ, h/ dan tiga bunyi plosif, yakni /t^ʕ, d^ʕ, q/. Berbeza dengan kes sebelum ini, daerah artikulasi dan juga cara artikulasi yang terlibat dalam penghasilan konsonan-konsonan di atas ternyata sangat asing bagi bahasa Melayu. Dengan kata lain, tidak ada konsonan asli bahasa Melayu dihasilkan di daerah ataupun dengan cara artikulasi berkenaan. Daerah artikulasi yang asing ini ialah dental, uvular dan faringeal, manakala cara artikulasi pula melibatkan artikulasi sekunder, iaitu faringealisasi. Faktor keasingan ini menjadi penyebab yang mendorong bunyi-bunyi di atas mengalami pengubahsuaian dan digantikan dengan fonem natif yang paling hampir. Untuk menjelaskan perubahan fonologi yang berlaku itu secara berpada, kajian ini akan menerapkan analisis autosegmental geometri fitur.

PERUBAHAN FONEM FARINGEAL – RUMUS NYAHBUKALISASI

Data KPA menunjukkan bunyi frikatif faringeal /ʕ/ dan /h/ bahasa Arab berubah dan digantikan dengan konsonan natif bahasa Melayu, iaitu bunyi plosif glotal /ʔ/ dan frikatif glotal /h/. Seperti yang telah dinyatakan, perubahan ini didorong oleh faktor keasingan fonetik dan fonologi yang berkaitan dengan daerah faringeal yang tidak terdapat dalam inventori konsonan bahasa Melayu. Dalam kajian ini, perubahan /ʕ, h/ menjadi /ʔ, h/

dianalisis sebagai proses penyahhubungan fitur daerah yang mendominasi faringeal yang diformalkan dalam bentuk representasi geometri fitur seperti di bawah. Rumus yang menyahhubungkan nodus daerah dikenali sebagai rumus nyahbukalisasi (*debuccalisation*) (Kenstowicz, 1994).




Rajah 4 Rumus nyahbukalisasi – penyahhubungan nodus daerah.

Seperti yang dapat dilihat, proses penyahhubungan nodus daerah secara automatik menggugurkan semua fitur yang ada di bawahnya (Chin & Dinnsen, 1991). Justeru, representasi yang tertinggal hanya memiliki fitur akar yang terdiri daripada [+konsonantal] dan [-sonoran] serta fitur lain yang didominasinya, iaitu fitur [+kontinuan], artikulator glotal dan langit lembut yang masing-masing dinaungi oleh laringeal dan supralaringeal. Representasi ini mencirikan bunyi frikatif glotal /h/.


Rumus nyahbukalisasi yang diformalisasikan di atas hanya tepat untuk menjelaskan kes perubahan /h/ menjadi /h/ sahaja kerana kedua-dua konsonan itu tergolong dalam kelas yang sama, iaitu bunyi frikatif. Bagi kes /ʕ/ menjadi /ʔ/, perubahan yang berlaku bukan sahaja melibatkan daerah, tetapi juga cara artikulasi, yakni daripada frikatif menjadi plusif. Untuk menjelaskan fenomena ini, rumus penyahhubungan turut dilaksanakan terhadap fitur [+kontinuan], seperti dalam Rajah 5. Tanpa fitur daerah dan

kontinuan daripada representasi geometri fitur, konsonan yang terhasil ialah bunyi hentian glotis /ʔ/.



Rajah 5 Rumus pembentukan glotis – penyahhubungan nodus daerah dan [kontinuan].

Berhubung dengan bunyi hentian glotis ini, dalam sistem ejaan bahasa Melayu, kehadirannya di posisi onset tidak diberi sebarang lambang atau grafem (cth. /kaʔedah/ <kaedah>), tetapi kehadirannya di posisi koda dilambangkan dengan konsonan /k/ (cth. /daʔwah/ <dakwah>). Dalam sistem fonologi bahasa Melayu terdapat rumus yang dipanggil rumus pembentukan glotis yang mengubah /k/ di posisi koda menjadi hentian glotis. Rumus ini dianalisis oleh Zaharani dan Teoh (2006) sebagai rumus penyahhubungan nodus daerah oral yang mendominasi fitur dorsal. Geometri fitur yang tidak mempunyai nodus daerah ialah representasi bagi bunyi hentian glotis. Rumus autosegmental di bawah dapat memberikan penjelasan yang berpeda kepada kenapa konsonan /k/ berubah menjadi hentian glotis dan tidak konsonan-konsonan lain yang ada dalam bahasa Melayu.




Rajah 6 Rumus pembentukan glotis – penyahhubungan nodus daerah.

PERUBAHAN FONEM FARINGEALISASI – RUMUS NYAHFARINGEALISASI

Dari segi cara artikulasi, semua konsonan natif bahasa Melayu dihasilkan melalui artikulasi primer. Ini berbeza dengan bahasa Arab yang mempunyai artikulasi sekunder selain artikulasi primer. Artikulasi sekunder didefinisikan sebagai darjah penyekatan yang hadir bersama atau serentak dengan artikulasi utama (Nor Hashimah, 2007). Artikulasi sekunder yang terdapat dalam bahasa Arab ialah faringealisasi, iaitu proses yang melibatkan akar atau badan lidah ditarik ke belakang untuk menyempitkan rongga faring (Kenstowicz, 1994). Dalam bahasa tersebut terdapat empat konsonan obstruen yang difaringealisasi, iaitu /t^ʕ, d^ʕ, s^ʕ, z^ʕ/. Oleh sebab cara artikulasi sekunder ini sangat asing bagi bahasa Melayu, maka perubahan terpaksa dilakukan. Proses perubahan ini dikawal oleh rumus nyahfaringealisasi.


Dalam analisis autosegmental, rumus nyahfaringealisasi dianalisis sebagai proses penyahhubungan fitur faringeal daripada nodus daerah. Nodus daerah kini hanya memiliki fitur oral yang mendominasi fitur koronal. Tanpa fitur faringeal yang mencirikan artikulasi sekunder, bunyi yang terhasil daripada representasi tersebut ialah konsonan primer /t, d, s, z/. Secara umumnya, fitur distingtif yang terlibat dengan perubahan segmen /t^ʰ, d^ʰ, s^ʰ, z^ʰ/ menjadi /t, d, s, z/ adalah sama semuanya, kecuali bagi fitur [± kontinuan] dan [± suara]. Fitur [± kontinuan] diperlukan untuk membezakan bunyi plosif (cth. /t^ʰ, d^ʰ, t, d/ dengan bunyi frikatif (cth. /s^ʰ, z^ʰ, s, z/, manakala fitur [± suara] untuk membezakan bunyi bersuara (cth. /d^ʰ, z^ʰ, d, z/) dengan bunyi tak bersuara (cth. /t^ʰ, s^ʰ, t, s/). Untuk tujuan simplifikasi rumus, fitur [suara] dan [kontinuan] tidak dibezakan nilainya dalam representasi rumus nyahfaringealisasi di bawah.



Rajah 7 Rumus nyahfaringealisasi – penyahhubungan fitur faringeal.

Perubahan bunyi plosif uvular /q/ menjadi plosif velar /k/ boleh juga dianalisis sebagai proses nyahfaringealisasi, walaupun dari segi artikulasinya penghasilan bunyi plosif ini tidak melibatkan artikulasi

sekunder. Bunyi plosif uvular terpaksa mengalami perubahan kerana daerah uvular itu juga asing bagi bahasa Melayu. Dalam analisis fitur distingtif, bunyi velar dibezakan dengan bunyi uvular melalui fitur faringeal. Justeru, selain memiliki fitur oral, bunyi uvular juga memiliki fitur faringeal yang kedua-duanya didominasi oleh nodus daerah. Sama seperti kes sebelum ini, rumus penyahhubungan hanya melibatkan fitur faringeal dan mengekalkan fitur oral yang mendominasi fitur dorsal.




Rajah 8 Rumus nyahfaringealisasi – penyahhubungan fitur faringeal.

PERUBAHAN FONEM DENTAL – RUMUS PEMBELAKANGAN

Satu lagi daerah artikulasi yang sangat asing bagi bahasa Melayu ialah daerah dental. Tidak ada satu pun konsonan natif bahasa Melayu yang dihasilkan di daerah ini. Sebaliknya, bagi bahasa Arab, terdapat dua bunyi frikatif dental yang bersifat fonemik, iaitu /θ, ð/. Oleh sebab fonem ini bersifat asing, maka kedua-duanya berubah menjadi fonem yang paling hampir dalam bahasa Melayu, yakni /s, z/. Seperti yang telah diuraikan, bunyi /z/ juga bukan konsonan asli bahasa Melayu. Walaupun konsonan /z/

itu fonem asing, namun daerah artikulasinya, iaitu daerah alveolar tidak bersifat asing, justeru ia diserap tanpa perubahan dan menjadi sebahagian daripada fonem bahasa Melayu.

Perubahan bunyi /θ, ð/ menjadi /s, z/ melibatkan perubahan pada daerah artikulasi, iaitu dari daerah dental bergerak ke belakang menuju ke daerah alveolar. Oleh hal yang demikian, rumus ini dinamakan rumus pembelakangan. Berdasarkan pendekatan autosegmental, rumus pembelakangan dianalisis sebagai proses penyahhubungan fitur [+anterior] yang mencirikan konsonan depan. Tanpa fitur [+anterior], bunyi yang terhasil daripada representasi geometri fitur tersebut ialah konsonan frikatif /s, z/.



Rajah 9 Rumus pembelakangan – penyahhubungan fitur anterior.

KESIMPULAN

Kemasukan kata Arab ke dalam bahasa Melayu bukan sekadar membawa butiran leksikal semata-mata, tetapi disertai dengan sistem bunyi yang membina dan membentuk kata tersebut. Bunyi-bunyi ini, khususnya bunyi konsonan ada yang sama dan ada pula yang berbeza dengan sistem bahasa Melayu. Konsonan Arab yang sama dengan bahasa Melayu tidak menimbulkan masalah kerana bunyi itu boleh diserap terus dalam sistem yang sedia ada. Namun, konsonan yang tidak sama memperlihatkan dua perilaku fonologi yang berbeza, iaitu (i) ada konsonan Arab yang diserap sepenuhnya dan menjadi sebahagian daripada inventori fonem bahasa Melayu, dan (ii) ada konsonan Arab diubah suai dan digantikan dengan konsonan asli bahasa Melayu.

Faktor penting yang menjadi pendorong dan penyebab sama ada konsonan daripada bahasa Arab itu mengalami penyerapan atau pengubahsuaian ditentukan oleh cara dan daerah artikulasi yang terlibat dalam penghasilan konsonan-konsonan tersebut. Sekiranya cara dan daerah artikulasi itu serasi dengan bahasa Melayu, maka konsonan Arab itu diserap sepenuhnya dan menjadi sebahagian daripada konsonan bahasa Melayu. Sebaliknya, jika cara dan daerah artikulasi itu sesuatu yang asing, maka konsonan Arab itu akan diubah suai menurut cara dan daerah artikulasi yang sedia ada dalam bahasa Melayu. Cara artikulasi yang asing bagi bahasa Melayu ialah artikulasi sekunder faringalisasi, manakala daerah artikulasinya pula ialah daerah dental, uvular dan faringeal.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1980. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Amran Kasimin, 1987. *Perbendaharaan Kata Arab dalam Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Mohammad Amin, 1993. "Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Penilaian Semula" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 37(1), 49–58.
- Beg, Muhammad Abdul Jabbar, 1977. *Arabic Loan-words in Malay: A Comparative Study*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chin, S. B & Dinnsen, D. A., 1991. "Feature Geometry in Disordered Phonology" dlm. *Clinical Linguistics and Phonetics* 5 (4): 329–37.

ZAHARANI AHMAD, MAIZURA OSMAN DAN NOR HASHIMAH JALALUDDIN

- Chomsky, N. & M. Halle, 1968. *The Sound Pattern of English*. New York: Harper & Row Publishers.
- Frisch, S. A. *et al.*, 2004. "Similarity Avoidance and the OCP" dlm. *Natural Language and Linguistic Theory*. 22:179–228.
- Gadoua Abdulhamid. H., 2000. Consonant Clusters in Quranic Arabic. 58–85. (Dalam talian). [http://clo.canadatoyou.com/28/Gadoua\(2000\)CLO28_61-85.pdf](http://clo.canadatoyou.com/28/Gadoua(2000)CLO28_61-85.pdf) [capaian pada 20 Mac 2010].
- Halle, M., 1992. "Phonological Features" dlm. Bright, W. (ed.). *International Encyclopedia of Linguistics*, Volume 3. Oxford: Oxford University Press.
- Kenstowicz, M., 1994. *Phonology in Generative Grammar*. Cambridge: Blackwell.
- McCarthy, J. J., 1988. "Feature Geometry and Dependency: A Review" dlm. *Phonetica* 45: 84–108.
- McCarthy, J. J., 1991. "The Phonetics and Phonology of Semitic Pyaryngeals". To appear in *Papers in laboratory phonology III: Phonological structure and phonetic form*. (ed.) P. Keating. London: Cambridge University Press.
- Mohd. Isa Abd. Razak, 2009. "Bahasa Pinjaman Memperkaya Bahasa Melayu" dlm. *Dewan Bahasa*. 53(7):20–23.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2007. *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Repetti, L. 1993. "The Integration of Foreign Loans in the Phonology of Italian" dlm. *Italica*. 70 (2):182–96.
- Sagey, E. C., 1986. *The Representation of Features and Relations in Nonlinear Phonology*. Cambridge: MIT.
- Teoh Boon Seong, 1994. *The Sound System of Malay Revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yunus Maris, 1980. *The Malay Sound System*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Za'ba, 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, 2009. "Pemeriksaan dan Pembinaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan Kata Asing". Prosiding Seminar Linguistik dan Kebudayaan Bahasa Melayu Ke-V, hlm. 446–54. Universiti Pertanian Malaysia.
- Zaharani Ahmad & Teoh Boon Seong, 2006. *Fonologi Autosegmental Penerapannya dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.